

## PERANAN BUKU TAFSIR QURAN UNTUK KANAK-KANAK BERGAMBAR DALAM MEMUPUK TOLERANSI BERAGAMA DAN KEHARMONIAN SOSIAL: ANALISIS TERHADAP SURAH AL-KĀFIRŪN

### *THE ROLE OF QURAN INTERPRETATION BOOKS FOR CHILDREN WITH ILLUSTRATIONS IN FOSTERING RELIGIOUS TOLERANCE AND SOCIAL HARMONY: ANALYSIS OF SURAH AL-KĀFIRŪN*

Zaidul Amin Suffian bin Ahmad<sup>1\*</sup>, Sahlawati binti Abu Bakar<sup>2</sup>, Muhammad Aizat Syimir bin Rozani<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, zaidulamin@uis.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, sahlawati@uis.edu.my.

<sup>3</sup> Pensyarah, Universiti Islam Selangor, aizatsyimir@uis.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 23 September 2024 | Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024 | Diterima untuk terbit: 22 November 2024

#### **Abstrak**

Pendidikan al-Quran kepada kanak-kanak mempunyai peranan yang cukup besar dalam membentuk landasan moral dan spiritual mereka sejak peringkat awal. Bahan tafsiran yang disesuaikan mengikut tahap pemahaman kanak-kanak, digunakan secara kreatif dalam pendidikan dapat membantu membentuk akhlak, identiti dan membina hubungan yang kukuh antara mereka dengan nilai-nilai Islam. Kajian ini bertujuan meneliti peranan buku Tafsir Quran Bergambar untuk Kanak-Kanak tumpuan kepada surah al-Kāfirūn dalam mempromosikan nilai-nilai toleransi dan keharmonian sosial. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data daripada buku, jurnal dan artikel. Hasil kajian menunjukkan bahawa buku tafsir bergambar ini berjaya menyampaikan nilai-nilai murni dan mesej toleransi melalui penggunaan ilustrasi menarik dan bahasa yang mudah difahami, seterusnya membantu dalam memupuk keharmonian sosial di kalangan pembaca muda. Kesimpulannya, buku ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat pendidikan agama tetapi juga sebagai medium penting untuk menyemai nilai-nilai toleransi dan keharmonian dalam masyarakat.

#### **Kata kunci**

Pendidikan al-Quran, tafsir, buku kanak-kanak, tafsir bergambar dan toleransi beragama

#### **Abstract**

*Al-Quran education for children has a big role in shaping their moral and spiritual foundation from an early age. Interpretation materials that are adapted according to the children's level of understanding, used creatively in education can help shape morals, identity and build a strong relationship between them and Islamic values. This study aims to examine the role of Tafsir Quran Illustrated for Children, focusing on surah al-Kāfirūn in promoting the values of tolerance and social harmony. This study is qualitative by collecting data from books, journals, and articles. The results of the study show that this illustrated interpretation book successfully conveys noble values and a message of tolerance through the use of attractive illustrations and*

*easy-to-understand language, further helping to foster social harmony among young readers. In conclusion, this book not only functions as a religious education tool but also as an important medium to instill the values of tolerance and harmony in society.*

### **Keywords**

*Al-Quran education, tafsir, children's books, illustrated tafsir and religious tolerance*

## **1.0 Pengenalan**

Rasulullah SAW menganjurkan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka sejak dari kecil. Hal ini kerana usia kecil adalah waktu yang paling sesuai untuk membentuk keperibadian mereka (Nor Hamizah et al., 2021). Baginda Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاصْرِفْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Maksudnya:

Perintahkanlah anak-anak kalian untuk mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka (jika mereka tidak mahu melaksanakannya) ketika mereka berumur sepuluh tahun. Dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka.

(Abū Dāwud, *Awwal Kitāb al-Salāh, Bāb Mata Yu'Mar al-Ghulām Bi al-Salāh*, No. Hadis 495)

Mohd Shahrizal dan Kamarul Shukri (2021) berpendapat golongan dewasa yang memahami kepentingan ajaran Islam dalam kehidupan bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak Muslim didedahkan dengan bahan-bahan yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka berkenaan dengan Islam. Golongan kanak-kanak dianggap lemah dan memerlukan bantuan orang dewasa. Oleh itu, Islam sangat menekankan penerapan kasih sayang, sikap bertimbang rasa, dan perhatian terhadap mereka. Mereka juga memerlukan pendidikan, bimbingan, serta panduan dan tunjuk ajar yang menyeluruh dari orang dewasa di sekeliling mereka (Nur Azwani et al., 2024).

## **2.0 Latar Belakang Kajian**

Ibu bapa memainkan peranan yang signifikan dalam mendidik kanak-kanak bagi menarik minat mereka agar tidak jemu untuk belajar dan mempelajari isi kandungan al-Quran. Antara kaedahnya dengan bercerita dan melakukan aktiviti pendidikan khusus untuk kanak-kanak. Melalui penceritaan mereka lebih tertarik untuk mengetahui kerana kebanyakan pembelajaran dalam Islam mempunyai pengajaran yang dikaitkan dengan sirah nabi.

Riwayat hidup Rasulullah SAW sangat berkait rapat dengan pemahaman al-Quran, kerana dapat dikatakan bahawa kehidupan Rasulullah merupakan pentafsiran amali dari al-Quran. *Ummu al-Mu'minin* Aisyah RA menjelaskan bahawa akhlak Rasulullah SAW berdasarkan al-Quran. Selain itu, pengetahuan tentang kehidupan para sahabat juga merupakan cerminan kepada amalan al-Quran (Jani Arni, 2013).

Menurut pakar psikologi kanak-kanak, ibu ayah disaran menjadikan *bedtime story* sebagai rutin harian di rumah. Hal ini kerana, sebelum tidur adalah waktu yang paling sesuai, tepat dan tenang untuk anak-anak menerima nasihat dan mengingati kata-kata yang didengari. Seperti kisah para nabi yang penuh tauladan dan penerapan terhadap nilai murni, kisah Nabi Adam a.s. dan Hawa diusir dari syurga, kisah Nabi Musa a.s. membelah lautan, kisah Nuh a.s. dan bahteranya, kisah Nabi Yunus a.s. ditelan ikan paus dan sebagainya (Siti Nur Zuraikha, 2024).

Pendidikan al-Quran kepada kanak-kanak mempunyai peranan yang cukup besar dalam membentuk landasan moral dan spiritual mereka sejak peringkat awal. Melibatkan kanak-kanak dalam memahami al-Quran bukan sahaja memberikan wawasan agama, tetapi juga mengajarkan nilai-nilai etika, kebaikan dan keadilan yang bersumberkan ajaran Islam. Bahan tafsiran yang disesuaikan mengikut tahap pemahaman kanak-kanak, digunakan secara kreatif dalam pendidikan dapat membantu membentuk akhlak, identiti dan membina hubungan yang kukuh antara mereka dengan nilai-nilai Islam.

Kewujudan kitab-kitab tafsir pada masa kini kebanyakannya difokuskan untuk golongan dewasa, sementara perhatian terhadap tafsir untuk kanak-kanak masih terbatas. Melalui semakan dalam *Online Public Access Catalogue* (OPAC) Perpustakaan Negara Malaysia, hanya ditemukan dua penerbit yang menitikberatkan pada judul tafsir yang khusus ditujukan untuk kanak-kanak. Walaupun terdapat beberapa kitab tafsir yang dihasilkan khusus untuk golongan ini, namun kajian yang menyeluruh tentang metode dan ciri-ciri penerbitan tafsir untuk kanak-kanak belum dilakukan dengan mendalam. Ini menunjukkan perlunya penelitian yang lebih komprehensif untuk memahami dan menilai kualiti serta keberkesanan kitab-kitab tafsir yang ditujukan kepada golongan kanak-kanak.

Kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan agar seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial. Bahan bacaan bukan sahaja perlu mengandungi unsur pengajaran atau ilmu pengetahuan semata-mata, namun kandungan emosi kanak-kanak juga penting bagi membangkitkan nilai rasa dan kejiwaan dalam diri mereka (Arba'ie et al., 2014).

Kanak-kanak merupakan golongan yang memerlukan pendidikan terbaik sesuai dengan peringkat pembesaran mereka. Proses pendidikan kanak-kanak terletak atas tanggungjawab golongan dewasa khususnya ibu bapa. Golongan kanak-kanak bergantung sepenuhnya terhadap kebijaksanaan ibu bapa dalam memberikan pendidikan yang diperlukan oleh mereka. Keculasan ibu bapa dalam memberikan input pendidikan yang terbaik untuk kanak-kanak akan memberi kesan tidak baik dalam diri dan hal ini seterusnya akan mempengaruhi sahsiah mereka apabila mencapai usia dewasa (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2021).

Justeru itu, ibu bapa berperanan memperincikan setiap aspek pertumbuhan kanak-kanak agar keimanan dan ketakwaan mereka terpelihara (Shamilatul & A'dawiyah, 2022) dengan mendekati diri mereka untuk cintakan al-Quran melalui bahan bacaan yang bersesuaian. Kitab tafsir kanak-kanak merupakan salah satu cara memberikan pendedahan awal kanak-kanak terhadap al-Quran.

### 3.0 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai buku tafsir untuk kanak-kanak mempunyai beberapa kepentingan yang signifikan kepada masyarakat terutamanya ibu bapa, seperti berikut;

#### 3.1 Pemilihan bahan bacaan berkualiti untuk kanak-kanak.

Kajian ini memberi ibu bapa, akses kepada maklumat yang mendalam dan terkini tentang buku tafsir yang tersedia untuk kanak-kanak. Dengan pemahaman yang lebih baik tentang pilihan bahan bacaan, ibu bapa boleh membuat keputusan yang lebih bermaklumat dalam memilih buku tafsir yang bersesuaian dengan nilai agama dan usia perkembangan anak-anak mereka.

#### 3.2 Bimbingan agama yang berkesan.

Buku tafsir kanak-kanak bertindak sebagai sumber bimbingan agama yang penting dalam perkembangan kanak-kanak. Dengan kajian ini, ibu bapa dapat mengenal pasti buku-buku tafsir yang bukan sahaja bersesuaian dengan tahap kefahaman kanak-kanak tetapi juga menyampaikan nilai-nilai agama secara menarik dan mudah. Ini membantu dalam membentuk kefahaman kanak-kanak tentang agama secara positif dan menyokong pendidikan agama mereka.

#### 3.3 Menggalakkan kesan pembelajaran positif.

Buku-buku tafsir yang sesuai bukan sahaja memberikan kefahaman agama yang baik, malah dapat memotivasikan dan memberi gambaran positif tentang minat dan kecintaan kanak-kanak kepada Islam. Dengan menyokong penerbitan buku tafsir kanak-kanak yang berkualiti, kajian ini dapat memberi impak positif kepada proses pembelajaran agama kanak-kanak, membantu mereka menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan ajaran Islam, dan menggalakkan perkembangan akhlak dan rohani mereka.

### 4.0 Konsep Toleransi Beragama dan Keharmonian Sosial dalam Islam

Toleransi atau toleran bermaksud sedia menghormati atau menerima pendapat atau pendirian orang lain yang berbeza daripada pendapat atau pendirian sendiri (Noresah et al., 2007). Dalam Islam, terdapat garis panduan bertoleransi yang menegaskan pentingnya menjaga prinsip-prinsip asas agama tanpa mengubahsuainya (Nur Mohammad et al., 2019). Agama dianggap sebagai salah satu isu paling sensitif yang boleh mencetuskan konflik dalam masyarakat kerana ia melibatkan kepercayaan dan pegangan manusia. Oleh itu, toleransi beragama dilihat sebagai salah satu agen penting yang berupaya menyeimbangkan keharmonian dalam perbezaan pegangan agama sesebuah masyarakat (Nur Farhana & Nur Solehah, 2022) dan harus dipupuk sejak usia muda (Khadijah Muda et. al, 2019).

Seawal pengajian peringkat sekolah rendah lagi, sistem pendidikan di Malaysia amat menekankan pemupukan nilai-nilai murni di kalangan pelajar. Penghayatan ini telah menjadi suatu kriteria penting bagi mengukur tahap integrasi dan perpaduan antara etnik di Malaysia. Hal ini dinyatakan dengan jelas dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan ke arah merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan, pembentukan dan pembinaan negara bangsa Malaysia yang bersatu padu dan beridentiti nasional telah diterapkan melalui program pendidikan yang terancang. Ini berasaskan kepada keperluan penghayatan nilai-nilai murni universal seperti sikap bertoleransi, penyayang, nilai-nilai positif, pemupukan semangat cintakan negara, dan perasaan bangga terhadap negara Malaysia, selaras dengan objektif dan prinsip yang termaktub dalam rukun negara (Faidzal et al., 2023).

Ibu bapa turut memainkan peranan dalam memupuk sikap toleransi beragama. Menurut kajian Nur Farhana dan Nur Solehah (2022), ibu bapa memainkan peranan penting sebagai pengaruh utama dalam membentuk pengamalan toleransi beragama di kalangan anak-anak. Dengan memberikan pendidikan awal mengenai toleransi beragama, ibu bapa dapat mempersiapkan anak-anak untuk menghadapi masyarakat yang berbilang agama, kaum, bangsa, dan budaya di dunia luar. Pengenalan awal ini membantu mendidik anak-anak untuk menjadi generasi yang meraikan kepelbagaian agama dan terbuka untuk saling menghormati antara satu sama lain.

Sikap toleransi ini akan lebih tersusun dengan digabung bersama elemen-elemen yang disarankan oleh Islam. Perkara ini akan menjadikan satu keadaan yang harmonis dalam toleransi seharian di dalam masyarakat secara umumnya. Kesan daripada toleransi yang baik akan menumbuhkan rasa bangga seseorang dan sikap perpaduan yang tinggi terhadap negara yang memiliki kepelbagaian etnik, agama, tradisi dan budaya yang tidak dimiliki bangsa lain (Saliha Ali et al., 2021).

Dalam konteks Malaysia yang majoriti penduduknya Muslim, terdapat beberapa kajian tentang toleransi beragama. Antaranya kajian yang dibuat oleh Khadijah Muda et al. (2020) telah menyimpulkan ciri-ciri toleransi beragama antara Muslim kepada bukan Muslim seperti berikut:

1. Tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk agama Islam.
2. Bertoleransi dengan kepercayaan penganut agama lain dan memberikan mereka kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama mereka, menjaga kesucian semua agama dan setiap penganut perlu menghormati penganut agama lain.
3. Menghormati ibu bapa yang masih bukan Islam selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam.
4. Masyarakat Muslim dibenarkan untuk membelanjakan harta mereka ke arah kebaikan dan memberi sedekah kepada yang memerlukan walaupun kepada orang bukan Islam.
5. Menjaga hubungan baik dengan penganut agama lain seperti melawat dan menerima kedatangan mereka, merawat dan melawat mereka sakit, menghormati jenazah mereka, memberi dan menerima hadiah daripada mereka dan turut membenarkan ahli kitab beribadat di tempat ibadat kita.
6. Jika kita adalah pemimpin yang rakyatnya turut terdiri daripada orang bukan Islam, kita perlu melunaskan perjanjian dengan mereka, memerangi orang-orang yang menindas mereka dan jangan membebaskan mereka dengan sesuatu yang melebihi kemampuan mereka.
7. Menjaga hak jiran walaupun bukan beragama Islam seperti memberi makan atau sumbangan dan membantu jika mereka dalam kesusahan.
8. Berjual beli atau mengurus niaga dengan orang bukan Islam.

Kajian yang hampir sama turut dilaksanakan oleh Nur Farhana dan Nur Solehah (2022), berkaitan konsep toleransi beragama merumuskan terdapat lima ciri sepunya daripada semua agama.

1. Semua ajaran agama menolak adanya paksaan kepada penganut agama lain untuk menganut agama mereka.
2. Menerima kewujudan kepelbagaian agama dan hidup bersama dalam satu masyarakat majmuk.
3. Saling menghormati dan memaafkan.
4. Kasih sayang kepada penganut lain agama.
5. Melakukan kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat kepada orang lain.
6. Terdapat satu ciri khusus yang berbeza antara Islam dan Kristian dengan Buddha dan Hindu. Dalam agama Islam dan Kristian meletakkan toleransi sebagai hormat pegangan orang lain tanpa perlu menerima kebenaran agama mereka. Manakala, bagi Buddha dan Hindu toleransi termasuklah menerima kebenaran semua agama. Bahkan boleh mencampurkan amalan agama sendiri dengan agama lain.

Kajian Khadijah Muda et al. (2020) dan kajian Nur Farhana dan Nur Solehah (2022) kedua-duanya bertujuan untuk mengkaji toleransi beragama dalam konteks masyarakat majmuk. Kedua-dua kajian menyimpulkan bahawa ajaran agama menolak paksaan terhadap penganut agama lain untuk memeluk agama mereka dan menekankan pentingnya menerima kewujudan kepelbagaian agama serta hidup bersama dalam masyarakat yang majmuk. Mereka juga bersetuju bahawa menghormati dan memaafkan antara penganut agama yang berbeza adalah penting untuk mengekalkan keharmonian sosial. Selain itu, kedua-dua kajian menekankan pentingnya menjaga hubungan baik dengan penganut agama lain melalui tindakan seperti memberi sedekah, melawat ketika sakit, dan membantu dalam kesusahan.

Namun, terdapat perbezaan dalam pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua kajian ini. Kajian Khadijah Muda et al. (2020) menekankan bahawa masyarakat Muslim di Malaysia tidak memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam dan menjaga kesucian semua agama. Ia juga menegaskan bahawa masyarakat Muslim boleh membelanjakan harta mereka ke arah kebaikan walaupun kepada bukan Islam, serta menghormati ibu bapa yang bukan Islam selagi mana tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kajian ini lebih terperinci dalam melihat amalan masyarakat Muslim terhadap penganut agama lain, termasuk aspek menghormati jenazah, membenarkan ahli kitab beribadat di tempat ibadat Islam, dan menjaga hak jiran walaupun bukan beragama Islam.

Sebaliknya, kajian Nur Farhana dan Nur Solehah (2022) memberikan lima ciri umum toleransi beragama yang diterima oleh semua agama, seperti kasih sayang kepada penganut agama lain dan melakukan kebaikan. Kajian ini juga menekankan bahawa dalam agama Islam dan Kristian, toleransi bermaksud menghormati pegangan orang lain tanpa menerima kebenaran agama mereka, sementara dalam agama Buddha dan Hindu, toleransi termasuk menerima kebenaran semua agama. Kajian ini memberikan fokus kepada persamaan dalam konsep toleransi antara agama-agama yang berbeza dan menekankan aspek kasih sayang serta memaafkan dalam menjaga keharmonian sosial.

Dengan melihat pendekatan yang digunakan oleh Khadijah Muda et al. (2020) dalam mengkaji amalan toleransi dalam kalangan masyarakat Muslim dan pendekatan Nur Farhana dan Nur Solehah (2022) dalam memahami ciri-ciri toleransi

beragama yang umum dalam semua agama, kita dapat memahami betapa pentingnya nilai-nilai toleransi ini diterapkan sejak kecil. Justeru itu, kajian ini akan melihat pendekatan yang digunakan oleh pengarang buku *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* dalam memupuk toleransi beragama dan keharmonian sosial di peringkat kanak-kanak.

## 5.0 Pengenalan kepada Buku *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar*

Buku *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* dikarang oleh Prof. Dr. Afif Muhammad. Kitab ini menerangkan setiap terjemahan surah dengan menggunakan bahasa yang mudah berserta ilustrasi bergambar oleh Izwan Arif Ibrahim.

Jadual 1: Senarai Judul Buku, Tahun Terbitan, Jumlah Halaman Kitab Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar Terbitan PTS One Sdn. Bhd.

BIL	JUDUL BUKU	TAHUN TERBITAN	JUMLAH HALAMAN
1	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Fatihah	C1:2005 C2:2006	47
2	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlash, al-Kafirun	2005	47
3	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah an-Nasr, al-Kauthsar, al-Ashr, al-Qadr	2005	47
4	Tafsir Al-Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Lahab, al-Ma'un, al-Takatsur	2005	47
5	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Quraisy, al-Fil, al-Adiyat, Baiyinah	2005	47
6	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah ad-Dhuha, al-Laili, al-Fajr	2005	47
7	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Qari'ah, al-Zalzalah, al-Ghasyiah	2005	47
8	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah at-Tin, al-A'la, al-Insyirah	2005	47
9	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah as-Syams, al-Tariq, al-Buruj.	2005	47

10	Tafsir Al-Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surat al-Alaq	2005	47
11	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Balad, al-Insiquaq.	2005	47
12	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah al-Mutafifin, Abasa.	2005	47
13	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah an-Nazi'at, al-Takwir.	2005	47
14	Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah an-Nabak, al-Infithar.	2005	47

Jadual 1 menunjukkan judul buku bagi *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* terbitan PTS One Sdn Bhd. Judul-judul tafsir ini diambil berdasarkan kepada surah-surah daripada juzuk *Amma* kecuali surah *al-Humazah* yang tidak ditafsirkan. Tertib susunan bagi buku-buku ini disusun sendiri oleh penulis. Hal ini dinyatakan oleh penulis sendiri dengan diletakkan senarai kesemua judul di akhir muka surat setiap buku. Buku-buku ini diterbitkan selama dua tahun bermula pada tahun 2005 dan 2006. Pada tahun 2005 sebanyak 14 buah buku telah diterbitkan, manakala pada tahun 2006 hanya sebuah buku diterbitkan. Anggaran jumlah halaman setiap buah buku sebanyak 47 halaman.

Kajian ini hanya memfokuskan kepada buku *Tafsir Quran Untuk Kanak-kanak Bergambar: Surah an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlās, al-Kafirun* yang diterbitkan pada 2005. Keempat-empat surah pendek ini dikumpulkan di dalam satu buku adalah kerana dimulai dengan kalimah *Qul* (Katakanlah!) (Afif Muhammad, 2005).

Isi kandungan yang terdapat bagi buku ini ialah mengenal al-Quran dengan lebih dekat, panduan bagi ibu bapa, surah dan terjemahan, pengenalan surah, *asbāb al-nuzūl*, Makki Madani, cara menyebut dan kotak bahasa. Buku ini mempunyai sembilan item bagi isi kandungan. Item-item tersebut adalah:

a. Mengetahui al-Quran dengan lebih dekat.

Item ini menerangkan secara umum mengenai surah-surah yang akan ditafsirkan di dalam buku ini. Antara perkara yang disentuh adalah berkenaan sejarah penurunan al-Quran selama 23 tahun, galakan menghafal dan mengamalkan ajaran al-Quran seperti solat, puasa dan zakat, juga cabaran Nabi Muhammad SAW ketika berdakwah kepada orang-orang kafir Quraisy.

b. Panduan bagi ibu bapa.

Ia merupakan panduan terbaik untuk mereka mengetahui bagaimana cara untuk mengajar anak-anak sendiri terutama mereka yang bukan dari bidang perguruan sebagai contoh dari segi teknik dan waktu yang sesuai untuk mengajar.

c. Surah dan terjemahan.

Setiap ayat al-Quran ditulis dan mempunyai terjemahan yang lengkap. Ayat al-Quran ditulis di sebelah kiri manakala terjemahan ditulis di sebelah kanan. Ini bagi memudahkan pemahaman makna setiap ayat al-Quran yang dibaca.

d. Pengenalan surah.

Buku ini mempunyai pengenalan untuk setiap surah yang menerangkan maksud nama surah dan kisah di sebalik surah yang dibincangkan.

e. *Asbāb al-nuzūl*.

*Asbāb al-Nuzūl* ialah peristiwa atau persoalan-persoalan yang menyebabkan turunnya satu-satu ayat atau beberapa ayat untuk menerangkan peristiwa dan hukumnya. Item ini hanya terdapat pada surah *al-Ikhlās* dan surah *al-Kāfirūn* sahaja.

f. *Makki* dan *Madani*.

*Makki* adalah apa-apa ayat atau surah yang diturunkan sebelum hijrah Nabi Muhammad SAW ke Madinah manakala *Madani* adalah apa yang diturunkan selepas penghijrahan, sama ada ianya diturunkan di Madinah mahupun di Mekah, pada tahun pembukaan Kota Mekah mahupun pada tahun *hajj al-Wadā'* dan walaupun ianya diturunkan pada mana-mana siri permusafiran baginda Rasulullah SAW. Item ini di disebut dalam setiap pengenalan surah.

g. Cara menyebut.

Ia merupakan item yang mengajar singkatan untuk menulis kalimah *subhānahu wa ta'āla* (SWT), *sallallāhu 'alaihi wasallam* (SAW), *alaihissalam* (a.s.) dan *radiallāhu 'anhu* (r.a.).

h. Kotak bahasa

Kotak ini menerangkan beberapa makna kalimah pilihan yang diambil dari surah yang sedang ditafsirkan. Kalimah yang dipilih sama ada kalimah yang berulang disebut atau sukar disebut.

Cara persembahan buku ini hanya menggunakan satu cara persembahan iaitu bentuk ilustrasi. Penggunaan ilustrasi dalam kitab ini bertujuan untuk memperkukuhkan proses pembelajaran kanak-kanak dengan menyampaikan maklumat secara kreatif dan menarik. Kaedah ini dikenali sebagai pendekatan visual yang membantu meningkatkan daya tangkap dan pemahaman kanak-kanak terhadap bahan pembelajaran. Ilustrasi yang berwarna-warni dan menarik memberikan kesan yang lebih mendalam dan memudahkan kanak-kanak untuk mengingat maklumat yang disampaikan. Pendekatan ini melibatkan elemen bercerita yang membuatkan pembelajaran menjadi lebih menyeronokkan dan efektif, di samping membawa impak positif terhadap pemahaman dan ingatan kanak-kanak.

## 6.0 Dapatan dan Perbincangan

Hasil penelitian terhadap buku *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar*, tumpuan kepada surah *al-Kāfirūn*, terdapat beberapa tema toleransi beragama dan keharmonian sosial yang telah diketengahkan oleh pengarang buku ni.

## 6.1 Tiada paksaan agama.

Hasil kajian Khadijah Muda et al. (2020), menjelaskan bahawa tiada paksaan dalam agama adalah prinsip utama dalam toleransi beragama. Mereka menekankan bahawa penganut agama Islam tidak seharusnya memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam. Prinsip ini turut disokong oleh Nur Farhana & Nur Solehah (2022), yang menggariskan bahawa semua ajaran agama menolak paksaan terhadap penganut agama lain. Tafsiran dalam buku tersebut seiring dengan prinsip ini, dengan menggalakkan murid Muslim untuk berkawan dengan penganut agama lain tanpa mengikuti ibadat mereka, yang mencerminkan penerimaan prinsip tiada paksaan.

Ini boleh dilihat ketika beliau mentafsirkan ayat pertama hingga ketiga dari surah *al-Kāfirūn*. Pengarang memulakan dengan terjemahan ayat dan mentafsirkan larangan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk tidak menyembah tuhan orang kafir. Kemudian pengarang mengaitkan dengan isu hari ini dengan membawa tamsilan:

*“Misalnya, ada seorang murid Muslim bersahabat dengan seorang murid beragama lain. Lalu, murid lain tersebut mengajaknya ikut beribadah di tempat beribadatnya. Sekiranya mengalami ajakan seperti ini, dia tidak boleh mengikutinya. Kalau sahabatnya memaksa, dia harus mengatakan, “Aku orang Islam, aku tidak boleh menyembah tuhanmu”. Sebaliknya, dia juga tidak boleh mengajak sahabatnya itu solat Jumaat di masjid. Yang penting, baik kamu mahupun dia, tidak saling memujuk dan memaksa”* (Afif Muhammad, 2005).

Pengarang telah memberikan contoh yang relevan, menegaskan bahawa tidak ada paksaan dalam agama dan pentingnya saling menghormati tanpa memaksa.

## 6.2 Kebebasan beragama.

Kedua-dua kajian menekankan pentingnya kebebasan beragama. Khadijah Muda et al. (2020) menegaskan bahawa penganut agama Islam perlu menghormati kepercayaan orang lain dan memberi mereka kebebasan untuk mengamalkan agama mereka. Nur Farhana & Nur Solehah (2022) pula menyatakan kepentingan menerima kepelbagaian agama dan hidup bersama dalam masyarakat majmuk. Tafsiran dalam buku ini menekankan hak kebebasan beragama dan menghormati kepercayaan orang lain, menunjukkan bahawa nilai-nilai ini diterapkan dengan jelas dalam konteks pendidikan kanak-kanak.

Ketika beliau mentafsirkan ayat pertama hingga ketiga dari surah *al-Kāfirūn*. Pengarang turut menjelaskan tanggungjawab sebagai seorang warganegara Malaysia:

*“Bukankah negara kita negara berperlembagaan? Dengan itu, setiap warga dijamin haknya bagi memeluk agama yang diyakininya. Mengejek dan mencemuh orang yang beragama lain, merupakan sikap yang bertentangan dengan perlembagaan negara. Apabila adik-adik berkawan dengan orang yang beragama lain, adik-adik harus menunjukkan diri sebagai orang yang taat melaksanakan ajaran agama, ramah dan sopan”* (Afif Muhammad, 2005).

Pengarang menegaskan bahawa sebagai warganegara Malaysia yang berpegang pada perlembagaan, setiap individu berhak memeluk agama yang diyakininya, dan sikap mengejek agama lain adalah bertentangan dengan perlembagaan negara.

### 6.3 Hubungan sosial.

Khadijah Muda et al. (2020) menggariskan pelbagai cara untuk menjaga hubungan baik, termasuk menghormati ibu bapa bukan Islam, memberi sedekah kepada bukan Islam, dan menjaga hak jiran. Sementara itu, Nur Farhana & Nur Solehah (2022) menggariskan pentingnya saling menghormati, memaafkan, dan kasih sayang kepada penganut agama lain. Tafsiran dalam buku menegaskan pentingnya menjaga imej sebagai seorang Muslim dan tidak mencemuh agama lain, yang sepadan dengan prinsip menjaga hubungan sosial yang baik.

Pengarang memperlihatkan hubungan sosial ini ketika mentafsirkan ayat pertama hingga ketiga dari surah *al-Kāfirūn* dengan menyatakan:

*“Bersahabat dengan orang yang berbeza agama tidak dilarang dalam Islam. Tetapi persahabatan itu ada batasnya. Iaitu, tidak boleh saling mencemuh dan mengejek agama masing-masing.*

*Sebagai seorang Muslim, adik-adik harus menunjukkan diri sebagai orang yang rajin, jujur, bersih dan pandai. Kita tidak boleh dilihat sebagai seorang yang pengotor, pembohong, pemalas dan jahat. Sebab, bimbang orang lain akan mengatakan, “Lihatlah, orang-orang Islam itu kotor, pembohong dan pemalas” (Afif Muhammad, 2005).*

Pengarang memperlihatkan kepentingan menjaga imej sebagai seorang Muslim yang baik agar dapat dicontohi oleh penganut agama-agama lain.

### 6.4 Tindakan kebaikan.

Khadijah Muda et al. (2020) melibatkan tindakan kebaikan dalam pelbagai bentuk seperti melawat orang sakit, memberi dan menerima hadiah, serta menjaga hubungan baik antara Muslim dan bukan Muslim. Nur Farhana & Nur Solehah (2022) pula menekankan pentingnya melakukan kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat tanpa mengira agama. Tafsiran buku mengingatkan murid Muslim untuk menegur kesalahan orang lain dengan cara yang baik, selaras dengan prinsip melakukan kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat.

Pengarang menjelaskan perkara ini ketika mentafsirkan ayat keenam dari surah *al-Kāfirūn* dengan menyatakan:

*“Bukankah kita diperintahkan menegur kesalahan orang lain? Misalnya, loceng lepas rehat sudah berbunyi, lalu kamu melihat kawan-kawanmu masih asyik duduk di kantin. Apa yang harus kamu lakukan? Tentu sahaja kamu mengajak mereka masuk ke kelas” (Afif Muhammad, 2005).*

Pengarang mengingatkan murid Muslim untuk menegur kesalahan orang lain dengan cara yang baik, sesuai dengan prinsip kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat.

Hasil penelitian mendapati pengarang telah mengetengahkan beberapa tema utama berkaitan toleransi beragama dan keharmonian sosial iaitu tiada paksaan agama, kebebasan beragama, hubungan sosial, dan tindakan kebaikan. Kesemua prinsip ini selaras dengan dapatan kajian oleh Khadijah Muda et al. (2020) dan Nur Farhana & Nur Solehah (2022), yang menekankan pentingnya menghormati kepercayaan orang lain, menjaga hubungan baik tanpa paksaan, serta melakukan kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat. Tafsiran dalam buku ini membimbing kanak-kanak untuk mengaplikasikan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian, menggalakkan mereka menjadi individu yang bertoleransi, saling menghormati, dan berhati mulia.

## 7.0 Penutup

Dapatan kajian terhadap buku *Tafsir Quran untuk Kanak-kanak Bergambar* dengan fokus kepada surah *al-Kāfirūn*, terdapat beberapa tema utama berkaitan toleransi beragama dan keharmonian sosial yang diketengahkan. Buku ini berjaya menyampaikan nilai-nilai murni dan mesej toleransi melalui penggunaan ilustrasi menarik dan bahasa yang mudah difahami.

Pertama, buku ini menekankan prinsip tiada paksaan agama, selaras dengan kajian oleh Khadijah Muda et al. (2020) dan Nur Farhana & Nur Solehah (2022), dengan menggalakkan murid Muslim untuk berkawan dengan penganut agama lain tanpa mengikuti ibadat mereka. Kedua, aspek kebebasan beragama turut ditekankan, dengan pengajaran tentang hak kebebasan beragama dan menghormati kepercayaan orang lain sesuai dengan prinsip perlembagaan negara. Ketiga, buku ini menggariskan pentingnya menjaga hubungan sosial yang baik, dengan menekankan tidak mencemuh agama lain dan menjaga imej sebagai seorang Muslim. Ini selari dengan dapatan kajian yang menekankan saling menghormati dan kasih sayang kepada penganut agama lain. Akhir sekali, aspek tindakan kebaikan juga diterangkan, dengan penekanan pada menegur kesalahan orang lain dengan cara yang baik, sesuai dengan prinsip melakukan kebaikan dan menahan diri daripada berbuat jahat.

Kesimpulannya, buku tafsir bergambar ini bukan sahaja berfungsi sebagai alat pendidikan agama tetapi juga sebagai medium penting untuk menyemai nilai-nilai toleransi dan keharmonian dalam masyarakat. Dengan ilustrasi menarik dan bahasa yang mudah difahami, buku ini berkesan dalam memupuk keharmonian sosial di kalangan pembaca muda, menjadikannya satu sumber pendidikan yang berharga dalam membentuk generasi yang toleran dan harmoni.

## 8.0 Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk *Identifikasi Penerbitan Genre Kitab Tafsir Untuk Kanak-kanak* dengan Kod Penyelidikan: 2022/P/GPIK/GPM-03/022. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Islam Selangor (UIS) yang telah menaja penyelidikan ini.

## Rujukan

- Abū Dāwud. (2009). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Risālah al-‘Ālamiah.
- Afif Muhammad. (2005). *Tafsir Quran untuk kanak-kanak bergambar: Surah an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlās, al-Kafirun*. PTS One Sdn.Bhd.
- Arba'ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Intan Zahariah Gaisun. (2014). Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*. 13, 72-84.
- Faidzal Yaakob, Marwan Ismail & Malike Brahim. (2023). Kesepaduan dalam kepelbagaian: Integrasi dan perpaduan antara etnik Melayu dan Siam di Kelantan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(7), 1-14. doi: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2402>
- Jani Arni. (2013). *Metode penelitian tafsir*. Pekan Baru, Riau. Daulat Riau.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Dasar pendidikan kebangsaan (Edisi Keempat)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khadijah Muda & Siti Nor Azhani Mohd Tohar. (2020). Definisi, konsep dan teori toleransi beragama. *Sains Insani*, 5(1): 194-199.
- Khadijah Muda, Khairul Anwar Mastor, Fazilah Idris, & Siti Azhani Tohar. (2019). Faktor demografi dalam toleransi beragama dalam kalangan belia di Malaysia. *Sains Insani*, 4(2): 76-81.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2021). Elemen nilai dalam teks sastera kisah para nabi untuk bacaan kanak-kanak menurut perspektif al-Nadwi. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (Ijleal)* 11(1), 14 – 26. doi: <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.6116>
- Nor Hamizah Razak, Siti Nubailah Mohd Yusof, & Nurhafizah Mohd Sukor. (2021). Terapi bermain menurut pendekatan Islam. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 61-70. doi: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.6.2021>.
- Noresah Baharom, Md. Nor Abd. Ghani, Ibrahim Ahmad, Azizah Supardi, Saidah Kamin, Aziah Tajudin, Salmah Jabar, Hairani Mohd. Khalid, Rodziah Abdullah. (2007). *Kamus Dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Azwani Mansor @ Noordin, Shahnun Musa & Khairulnazrin Nasir. (2024). Integrasi pendidikan tingkah laku anak menurut Luqman dan Ulwan Najati. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 5(1), 75-89.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Solehah Shapiee. (2022). Faktor norma subjektif yang mempengaruhi pengamalan toleransi beragama dalam kalangan penganut Muslim dan bukan Muslim di Malaysia: Kajian kes di Lembah Klang. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 27-49. doi: <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.1.233>
- Nur Mohammad Hadi Zahalana, Meryem Abousb & Ahmad Syukran Bharuddin. (2019). Hubungan kemasyarakatan Muslim dengan non-Muslim mengikut perspektif maqasid syariah di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (Al-‘Abqari)*, 20(1) Special Issue, 67-77.
- Saliha Ali, Mohd Isa Hamzah, Maimun Aqsha Lubis, Eka Yusnaldi, Ikwan Lubis SE & Siti Hajar Taib. (2021). Prinsip toleransi Islam dalam menangani konflik kepelbagaian kaum di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. 4(2), 142-168.

Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail. (2022). Kebimbangan dan peranan ibu dalam menjaga akidah dan akhlak anak-anak dalam era digital. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 195–207.

Siti Nur Zuraikha Yaacob. (2024). *Kisah nabi yang penuh pengajaran & nilai murni, sesuai dijadikan bedtime story anak*. Indonesia: The Asia Parent.